

Rujukan: UKM PPI/111/8
Tarikh : 07 Februari 2024

Dekan/Ketua
Fakulti/Jabatan/Pusat/Bahagian/Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Dato' Sri'/ Datuk / Dato'/ Datin / Tuan/ Puan

**PEMAKLUMAN PENGHANTARAN LAPORAN KEMAJUAN DAN LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN
SEKRETARIAT PENYELIDIKAN ETIKA UKM**

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM Bil. 2/2024 bertarikh 18 Januari 2024 telah bersetuju penghantaran laporan kemajuan dan laporan akhir penyelidikan adalah seperti yang berikut:

I. Laporan Kemajuan

Surat rasmi penghantaran laporan kemajuan kepada Pengerusi beserta laporan kemajuan penyelidikan. Laporan boleh dihantar dalam format SMPU (Salinan atau Print screen) dari SMPU atau format yang bersesuaian.

II. Laporan Akhir


Surat rasmi penghantaran laporan akhir kepada Pengerusi beserta manuskrip yang lengkap atau laporan akhir.

3. Ini adalah bagi memudahkan pihak penyelidik untuk menghantar laporan - laporan tersebut iaitu setiap 06 bulan bagi laporan kemajuan dan laporan akhir setelah penyelidikan tamat. Sehubungan dengan itu, borang laporan kemajuan dan laporan akhir JEPUKM (UKM-JEP-BO06 & UKM-JEP-BO07) dimansuhkan berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan. Kedua-dua borang ini juga telah dikeluarkan dari laman web Sekretariat Etika Penyelidikan UKM.

Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pemakluman ini dapat disampaikan kepada semua pegawai / penyelidik di Fakulti / Institut / Pusat / Jabatan bawah seliaan pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR DR MOHD SHAHRIR MOHAMED SAID

Pengerusi
Jawatankuasa Etika Penyelidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN UKM • UKM RESEARCH ETHICS COMMITTEE

s.k - Fail SEPUKM